

## **Terma dan Syarat Kad Kredit Platinum Business ("T&Cs")**

Terma dan syarat di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad Bank ("Perjanjian"). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat Kad BCC di dalam ini ("T&C"), maka T&Cs ini hendaklah diutamakan sejauh mana terma-terma itu terpakai kepada Kad.

Dengan menerima Kad BCC, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat seperti tertera dalam T&Cs ini, dan Perjanjian.

### 1. A. Takrifan:

Dalam T&Cs ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya atau melainkan diungkapkan sebaliknya dengan nyata di dalam ini, maka ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai pengertian berikut:

- a) **"Bank"** bermakna Hong Leong Bank Berhad;
- b) **"Kad BCC"** bermakna Kad Kredit Platinum Business;
- c) **"Akaun Kad"** bermakna akaun Pemegang Kad Utama dengan Bank yang dibuka berkenaan Kad BCC;
- d) **"Pemegang Kad"** bermakna individu yang namanya tertera pada Kad BCC, sama ada Pemegang Kad Utama atau Kad Tambahan, melainkan dinyatakan sebaliknya;
- e) **"Pemegang Kad Utama"** bermakna Pemegang Kad yang kepadanya dikeluarkan Kad Utama;
- f) **"Kad Utama"** bermakna Kad BCC yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad yang utama;
- g) **"RM"** bermakna Ringgit Malaysia, mata wang sah di Malaysia; dan
- h) **"Pemegang Kad Tambahan"** bermakna individu yang dinamakan oleh Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Tambahan menurut Fasal 22 Perjanjian dan yang kepadanya Kad BCC tambahan dikeluarkan oleh Bank.

### B. Tafsiran

- a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar mempunyai pengertian sama seperti mana ditakrifkan dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&Cs ini.
- b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

## **Kemudahan Buku Cek**

2. Akaun semasa khas akan dibuka secara automatik bersamaan dengan kelulusan Kad BCC ("BCC-linked CA") yang hanya mempunyai kemudahan pengeluaran cek dan tiada bentuk lain pengeluaran daripada BCC-linked CA ini dengan apa-apa cara lain, dan tiada deposit ke dalam akaun itu akan dibenarkan. Setelah BCC-linked CA dibuka dan dengan syarat Pemegang Kad Utama telah mengisi borang yang ditetapkan oleh Bank dan/atau dengan apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Bank pada masa permohonan Kad BCC dibuat, maka Pemegang Kad Utama akan berhak mendapat buku cek BCC-linked CA. Cek boleh dikeluarkan oleh Pemegang Kad Utama kepada

pihak ketiga atau untuk memudahkan pengeluaran tunai Pemegang Kad Utama hanya boleh dikendalikan seorang sahaja penandatanganan kepada BCC-linked CA, yakni Pemegang Kad Utama individu.

3. Pemegang Kad Utama bersetuju bahawa dia hanya boleh mengaktifkan Kad BCC setelah menerima buku cek BCC-linked CA. Pengaktifan Kad BCC menandakan akuan penerimaan buku cek BCC-linked CA. Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kad BCC diaktifkan tanpa penerimaan buku cek.
4. Tanggungan bagi segala amaun belum lunas dalam Akaun Kad, di samping butiran-butiran yang dinyatakan dalam Fasal 8 dan 9 Perjanjian, amaun cek BCC-linked CA, fi dan caj berkaitan adalah semata-mata menjadi tanggungan Pemegang Kad sendiri.
5. Tandatangan pada cek mestilah selaras dengan tandatangan yang tertera dalam borang permohonan Kad BCC.
6. Penamatan, penggantungan atau penarikan balik Kad BCC akan menyebabkan tindakan sertamerta dan serupa dikenakan terhadap BCC-linked CA. Hal ini akan menyebabkan berlakunya cek-cek tak layan. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan dan liabiliti berkenaan cek tak layan disebabkan penamatan, penggantungan atau penarikan balik Kad BCC.
7. Tindakan menyenaraihitamkan pelanggan oleh Biro Maklumat Cek (BMC) akan menjadi satu lagi peristiwa dalam fasal 4 Perjanjian yang memungkinkan Bank menamatkan, menggantung atau menarik balik Akaun Kad.
8. Kehilangan buku cek: Penggantian buku cek dibuat menurut budi bicara Bank dengan syarat tidak berlaku pelanggaran mana-mana terma & syarat Perjanjian Pemegang Kad.
9. Pemegang Kad Tambahan: Pemegang Kad Tambahan tidak layak kepada apa-apa BCC-linked CA.
10. Had pengeluaran cek: Pemegang Kad Utama boleh mengeluarkan cek sehingga had maksimum 90% daripada had kredit tersedia pada Kad BCC.
11. Caj kewangan: Bagi Akaun BCC, caj kewangan berkenaan akan bermula selepas tempoh bebas faedah sehingga tiga puluh (30) hari bagi transaksi runcit baharu sahaja.
12. Pemegang Kad bertanggungjawab menentukan segala butir hubungan dan maklumat Akaun Kad berkaitan dikemas kini, betul dan dimaklumkan kepada Bank tepat pada masanya. Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan menghantar dan/atau menyampaikan maklumat kepada Pemegang Kad menerusi khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”) atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
13. Biro Maklumat Cek (BMC) adalah satu lagi entiti dalam Fasal 31 Perjanjian.

14. Cek tidak boleh dikeluarkan atas nama Bank kecuali cek yang dibekalkan oleh Bank yang padanya tertera nombor akaun BCC-linked CA.
15. Pemegang Kad Utama hendaklah teliti dan cermat ketika menulis cek untuk mengelakkan berlakunya penipuan. Bank adalah berhak tidak layan (menolak) cek dan memulangkan cek jika tandatangan Pemegang Kad Utama berbeza daripada spesimen (contoh) yang dibekalkan di bawah Akaun Kad atau Bank mempunyai sebab untuk meragui ketulenan autoriti Pemegang Kad Utama ke atas cek-cek itu. Pemegang Kad Utama tidak perlu menurunkan sebarang cop getah syarikat atau cap meterai peribadi pada cek, kerana cop ini langsung tidak diambil kira dalam pemprosesan cek.
16. Pemegang Kad Utama mestilah memastikan kandungan buku cek adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank atau sebaik menerima daripada perkhidmatan kurier dan hendaklah memastikan buku cek sentiasa tersimpan di tempat berkunci pada setiap masa. Pemegang Kad Utama hendaklah segera memberitahu Bank jika mendapati buku cek atau kepingan cek tiada, hilang, dicuri, atau musnah.
17. Penyata Kad BCC yang menunjukkan entri/catatan BCC-linked CA akan diedarkan sebulan sekali atau pada tempoh masa yang ditentukan oleh Bank. Pemegang Kad mestilah menyemak segala entri/catatan dalam penyata itu dan hendaklah segera melaporkan kepada Bank apa-apa kesilapan yang terdapat dalam penyata. Jika Pemegang Kad tidak bertindak, dalam masa empat belas (14) hari (atau apa-apa tempoh masa yang ditentukan oleh Bank dalam penyata / notis setelah menerima penyata akaun tersebut), membantah apa-apa entri di dalamnya maka Pemegang Kad akan dianggap telah setuju menerima entri/catatan yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata akaun itu adalah betul.
18. Bank hanya akan menghentikan bayaran bagi apa-apa cek yang dikeluarkan setelah menerima arahan daripada Pemegang Kad sama ada secara bertulis atau menerusi apa-apa rakaman elektronik yang ada disediakan oleh Bank.

#### **Pengecualian Fi Tahunan**

19. Pemegang Kad adalah berhak mendapat pengecualian fi tahunan bagi tahun pertama bagi Kad BCC Utama dan Tambahan jika Pemegang Kad telah melakukan minimum satu (1) Transaksi Runcit seperti mana ditakrif dalam Fasal 24 di bawah dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad BCC.

Untuk layak mendapat pengecualian fi tahunan bagi tahun seterusnya, Pemegang Kad hendaklah melakukan minimum dua belas (12) Transaksi Runcit atau perbelanjaan runcit terkumpul sebanyak RM15,000 setahun.

### Plaza Premium Lounge (PPL)

20. Akses komplementari enam (6) kali ke PPL di KLIA dan KLIA2 setahun adalah tertakluk kepada Perbelanjaan Runcit terkumpul sebanyak RM2,500 dalam masa 30 hari dari tarikh akses ke PPL bagi setiap akses PPL komplementari. Bagi mengelakkan keraguan, hanya Pemegang Kad Utama berhak menyertai program PPL.
21. Sekiranya syarat perbelanjaan di atas ini tidak dipenuhi, bayaran fi sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Lapan (RM128) bagi setiap akses PPL akan dicaj kepada Akaun Kad Pemegang Kad.
22. Untuk mendapat akses ke PPL, Pemegang Kad Utama dikehendaki menunjukkan Kad BBC yang sah dan pas naik pesawat di kaunter pendaftaran PPL.
23. Penggunaan PPL adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh PPL. Terma dan syarat PPL boleh disemak di [www.plazapremiumgroup.com](http://www.plazapremiumgroup.com)
24. Bank tidak membuat representasi atau waranti berkenaan PPL dan/atau perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PPL (“Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge”), dan terutamanya, tidak membuat apa-apa waranti berkenaan kualiti Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge atau kesesuaiannya untuk apa jua tujuan. Begitu juga Bank tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad Utama atas apa-apa tindakan atau peninggalan berkaitan dengan Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge.
25. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan atau kecederaan yang dialami Pemegang Kad Utama ketika berada di dalam PPL pada bila-bila masa.

### Terma dan Syarat Umum

26. Perbelanjaan Runcit merujuk apa-apa pembelian runcit dan dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah 0% Faedah (“EPP”)) yang dilakukan dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan/atau apa-apa mata wang lain yang telah berjaya dicaj kepada Kad BCC. Pembelian Runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh Bank pada masa transaksi dibuat.
27. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** transaksi berikut:
  - a) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dsb.);
  - b) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“BT”), Call-For-Cash Plus (“CFC Plus”), Call-For-Cash (“CFC”) dan Pelan Bayaran Fleksi (“FPP”);
  - c) transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
  - d) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - e) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh Bank.

28. Terma dan syarat dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
29. Bank berhak setelah memberi notis awal untuk mengubah (sama ada melalui pengguguran, pengubahsuaian, pindaan atau selainnya) (“Pindaan”) mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan itu akan dilaksanakan dengan cara seperti mana ditentukan oleh Bank dalam Perjanjian dan Pindaan itu akan dianggap mengikat ke atas Pemegang Kad mulai tarikh pemberitahuan Pindaan atau apa-apa tarikh lain yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan.